

15/05/2000

Pak Lah sedia terima tugas tambahan

Magendran Rajagopal

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau sudah lama bersedia menerima sebarang tugas tambahan dan bersyukur kerana Perdana Menteri memberinya kepercayaan untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat.

"Tidak ada masalah bagi melaksanakan kerja tambahan ini kerana saya faham Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhasrat untuk berjumpa sendiri dengan rakyat serta anggota Umno peringkat cawangan dan bahagian di kampung.

"Pendekatan ini amat berkesan kerana Perdana Menteri dapat memberi penjelasan dan penerangan yang dikehendaki rakyat mengenai banyak perkara, selain memberi peluang kepada masyarakat bersoal jawab dengan beliau," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyertai pertandingan Cabaran Golf 2000 Gamuda-Kota Permai, Media di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata memang menjadi tugas pemimpin untuk memahami masalah serta keperluan rakyat secara langsung.

Abdullah juga menyifatkan nasihat Dr Mahathir supaya anggota Umno memberi sokongan kepadanya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti sebagai pengiktirafan terhadap kebolehannya menjalankan tugas.

Semalam, dalam ucapan penutup Perhimpunan Agung Umno, Dr Mahathir memberi perakuan bahawa Abdullah adalah penggantinya apabila beliau bersara dan sedang dipersiapkan dengan memberi lebih tanggungjawab dalam kerajaan dan parti.

Perdana Menteri berkata, banyak kerja Perdana Menteri akan dipindahkan kepada menteri Kabinet lain, terutama timbalannya, Abdullah, yang dilantik Januari tahun lalu.

Dr Mahathir juga menasihatkan anggota Umno supaya memberi kepercayaan penuh kepada Abdullah apabila timbalannya itu menggantikan beliau selepas bersara nanti.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir semalam, Abdullah berkata, beliau puas hati dengan proses pemilihan dan berpendapat banyak isu dilemparkan terhadap anggota Majlis Tertinggi (MT) ketika perbahasan.

Katanya, perkara itu bukan luar biasa, sebaliknya adalah sesuatu yang memberi kesempatan kepada anggota MT berfikir dan menggunakan pakai teguran dan pandangan bermanfaat kepada keutuhan parti.

Apa yang penting, kata Abdullah, ialah apabila Dr Mahathir membuat ucapan penutup, semua ahli perwakilan nampaknya bersetuju dan memberi sokongan kuat untuk terus bekerja memastikan kegiatan parti lancar.

Tambah beliau, ucapan Dr Mahathir wajar dijadikan iktibar bagi memperbaiki prestasi parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Mengenai rombakan pucuk pimpinan Wanita Umno, Abdullah berkata beliau belum lagi menerima sebarang laporan rasmi daripada pihak berkenaan mengenai perkara itu.

(END)